

Komuniti Pembelajaran Profesional: Satu Kajian Perbandingan Antara Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Biasa dan Sekolah Menengah Kebangsaan Anugerah Cemerlang 2007

By :

Zuraidah Abduliah dan Prof. Datin Dr. Rahimah Hj Ahmad

Abstrak

Artikel ini membincarakan tentang konsep Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) di sekolah menengah kebangsaan harian di Malaysia. Konsep KPP ini wujud apabila berlakunya penerapan budaya belajar secara berterusan dalam setiap ahli komuniti sekolah yang terdiri daripada pengetua, barisan pemimpin kedua dan guru-guru di sekolah. Kajian dijalankan di 43 buah sekolah menengah harian di Malaysia. Seramai 585 responden iaitu 41 pengetua, 321 pemimpin barisan kedua dan 172 guru serta kaunselor. Pengkaji telah menggunakan soal selidik yang dibentuk berdasarkan kerangka kerja KPP yang digariskan oleh Hord (1997) dan telah diubahsuai oleh Huffman dan Hipp (2003). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya sekolah menengah di Malaysia telah mengamalkan konsep KPP pada tahap kekerapan min yang sangat tinggi. Pengamalan amalan KPP ini juga menunjukkan komitmen guru terhadap pelaksanaan program dan aktiviti penambahbaikan sekolah terutama dalam meningkatkan prestasi murid.

Kata Kunci: *Pembelajaran Profesional, Komuniti*

A. PENDAHULUAN

Pada hari ini sekolah memerlukan kepemimpinan yang dinamik dan berani bagi membangunkan modal insan yang berkualiti sama ada dalam kalangan guru maupun murid. Justeru, pendekatan pemimpin sekolah ke arah pembangunan modal insan seharusnya secara holistik yang menjurus kepada pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, intelektual, pembudayaan sikap progresif yang mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi (Senge 1990; Cibulka, Coursey, Nakayama, Price dan Stewart 2000). Bagi mencapai matlamat ini, pemimpin sekolah tidak boleh menolak tentang kepentingan pembelajaran dalam kalangan guru. Guru-guru memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan masa hadapan negara kerana dapat melahirkan murid-murid yang cemerlang dan berketrampilan. Menurut Senge (1990), bagi memanipulasikan sumber manusia yang ada di dalam sesebuah organisasi itu secara berkesan, pemimpin bagi sesebuah organisasi perlu memastikan bahawa semua individu di dalam sesebuah organisasi itu bersedia untuk belajar pada setiap kesempatan yang ada.

Justeru, guru-guru sekolah boleh dipimpin dan digalakkan untuk belajar secara berterusan (DuFour dan Eaker 1998; Hord et al., 1997) bagi meningkatkan kualiti pendidikan guru sebagai sumber manusia yang boleh diasah potensinya melalui pembelajaran. Warga pendidik seharusnya melakukan suatu revolusi pembelajaran yang dapat mengubah cara pembentukan dan perkembangan komuniti sekolah. Era globalisasi mencirikan sesebuah komuniti itu bukan berdasarkan kepada saiznya tetapi pada asas ilmu pengetahuannya. Guru dalam

organisasi pendidikan akan memberi sebahagian besar keuntungan kepada institusi pendidikan melalui modal insan dan modal intelek. Oleh itu, cara yang terbaik untuk mengembangkan budaya belajar yang bertahap tinggi adalah melalui pembentukan Komuniti Pembelajaran Profesional (Hord et al., 1997; DuFour dan Eaker 1998). Komuniti Pembelajaran Profesional wujud dengan penerapan budaya belajar dalam kalangan setiap ahli komuniti sekolah. Budaya belajar ini memberi impak yang tinggi terhadap sesebuah komuniti kerana ia mampu membuat perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran, pengurusan dan kepemimpinan sekolah (Boyd dan Hord 1994; Hord et al., 1997 dan 1999; Hrpp et al., 2003).

B. KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

Komuniti pembelajaran profesional digambarkan sebagai sebuah komuniti yang membentuk sebuah budaya yang menunjukkan semua warga sekolah belajar dan menjadi pelajar. Dengan kata lain, setiap individu di dalam komuniti sekolah itu memainkan peranan masing-masing dan bertanggung jawab antara satu sama lain untuk Iwlajar bagi memastikan kesejahteraan semua warga sekolah (Myers dan Simpson; 1998). Di sekolah pengetua, barisan kepemimpinan kedua dan guru-guru tergolong di dalam ahli komuniti pembelajaran profesional. Mereka ini dianggap sebagai staf profesional yang berfokuskan kepada tugas guru. Mereka ini dianggap individu yang sentiasa mengamalkan pembelajaran secara berterusan. Mereka akan mencari dan berkongsi pembelajaran bagi meningkatkan keberkesanannya sekolah dan pembelajaran pelajar-pelajar mereka. Pembentukan budaya ilmu ini memperlihatkan sebuah Komuniti Pembelajaran Profesional yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga sekolah.

Sekolah yang membentuk komuniti pembelajaran profesional adalah sekolah yang menggalakkan dan mewujudkan nilai-nilai pembelajaran yang melalui satu proses kolaboratif yang mementingkan perbincangan dinamik dalam kalangan guru, murid, pengetua, para ibu bapa dan komuniti sekolah untuk menambahbaik kualiti dan pembelajaran kehidupan dalam kalangan warga sekolah dan komuniti sekolah (Speck, 1999,8). Implikasinya ahli komuniti sekolah yang menerapkan komuniti pembelajaran profesional sentiasa saling bertahggungjawab antara satu sama lain untuk membina komuniti mereka. Oleh itu, menurut Roberts dan Pruitt (2003), pembinaan budaya pembelajaran dalam kalangan komuniti sekolah akan mewujudkan suasana kolektif di antara pengetua, guru-guru, pelajar-pelajar, ibubapa dan ahli-ahli komuniti sekolah. Secara tidak langsung sekolah mampu mewujudkan suasana jelekit dalam kalangan warga sekolah.

Kewujudan budaya ini juga akan membangunkan kapasiti dalaman yang merupakan usaha ke arah menggalakkan guru-guru menjadi pakar dalam bidang mata pelajaran masing-masing. Komuniti pembelajaran profesional ini mempunyai lima dimensi penting iaitu; i) perkongsian kepemimpinan dan kepemimpinan menyokong, ii) kesepuanyaan nilai-nilai, norma, misi dan visi, iii) pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian, iv) amalan perkongsian personal, dan v) keadaan-keadaan yang menyokong dari segi hubungan dan struktur. Kelima-lima dimensi ini saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain dalam menentukan pembelajaran dalam kalangan guru berlaku secara *berterusan* dan dapat meningkatkan prestasi murid- murid di sekolah.

Setiap dimensi yang terdapat dalam Komuniti Pembelajaran Profesional mempunyai attribut kritikal

yang akan menggambarkan setiap fasa pembangunan sekolah iaitu permulaan, pelaksanaan dan pengamalan (Fullan, 1990). Berikut merupakan lima dimensi yang dikenal pasti oleh Hord (1997) dan Hipp & Huffman (2003) sebagai atribut terhadap sekolah-sekolah yang berjaya menjadikan sekolah mereka sebuah Komuniti Pembelajaran Profesional.

1. Perkongsian Kepemimpinan dan Kepemimpinan Menyokong

Dimensi ini merujuk kepada kepemimpinan di dalam sesebuah komuniti sekolah yang berkongsi. Perkongsian kepemimpinan ini akan menunjukkan sebuah komuniti yang akan membangunkan kapasiti kepemimpinan menyokong. Hal ini terbentuk kerana suasana dan iklim komuniti yang menggalakkan amalan penurunan kuasa kepada semua ahli Komuniti Pembelajaran Profesional bagi merealisasikan perkongsian visi dan misi sekolah berlaku. Dimensi ini juga dapat memberi peluang kepada semua ahli komuniti melakukan pembuatan keputusan yang berkesan bagi menghasilkan implikasi positif terhadap pembelajaran dan pencapaian pelajar.

2. Kesepuhaan, nilai – nilai, matlamat, misi dan visi

Dimensi ini merujuk kepada komuniti pembelajaran yang menunjukkan rasa perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi yang sama dalam kalangan ahlinya. Ini dapat dilihat melalui amalan harian, norma dan nilai-nilai yang wujud dan tertanam dalam sesebuah Komuniti Pembelajaran Profesional. Misi dan visi yang dibentuk adalah bersifat telus kepada semua. Visi dan misi sekolah bersama-sama terjalin di dalam sekolah dan kehidupan komunitinya yang berfokus kepada penambahbaikan dari segi pencapaian pelajar dan pembelajaran pelajar.

3. Pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian

Dimensi ini menggambarkan hubungan kolaboratif di dalam komuniti sekolah yang tertumpu kepada meningkatkan keberkesanan proses penyampaian maklumat dan pembuatan keputusan yang Imrasaskan ilmu pengetahuan. Amalan-amalan ini akan menghasilkan tingkah laku ahli komuniti yang positif, la menitikberatkan proses Kognitif yang menunjukkan keputusan daripada keberkesanan Komuniti Pembelajaran Profesional dan mementingkan amalan bekerja secara kolektif bagi menghasilkan kurikulum dan amalan- amalan pengajaran yang berkesan.

4. Amalan pengkongsian personal

Dimensi ini lebih memberi perhatian terhadap proses yang menggalakkan guru-guru berinteraksi, menyediakan maklum balas dan berkongsi keputusan pengalaman-pengalaman pembelajaran pelajar. Hal ini berlaku di sekolah dan di dalam bilik-bilik darjah yang melibatkan model berasaskan penyelidikan seperti kajian tindakan, mornbirnbing, mewujudkan sistem mentor-mentee dan melakukan pembuatan keputusan secara bersama.

5. Keadaan – keadaan dan iklim persekitaran yang menyokong dari segi perhubungan dan struktur

Dimensi ini merupakan dimensi yang sangat penting dalam membentuk Komuniti Pembelajaran Profesional, la menggambarkan sesebuah komuniti pembelajaran profesional yang memberi komitmen dengan menunjukkan sokongan dalam mengekalkan proses penambahbaikan sekolah berlaku secara berterusan. Dimensi ini juga telah mengenal pasti syarat-syarat pembentukannya melalui sokongan logistik dari segi i) penjadualan, ii) sumber-

sumber, ii) sokongan kognitif dan iv) sosial seperti memberi peluang dalam kepemimpinan dan sistem komunikasi yang berkesan.

Ramai pengkaji seperti Meehan et al., (1997) dan Huffman & Hipp (2000) telah menggunakan ciri-ciri Komuniti Pembelajaran Profesional ini sehingga pada tahun 2003, Huffman & Hipp telah memurnikan konsep Pembelajaran Komuniti Profesional ini dengan menyenaraikan lima dimensi dan setiap satu dimensi mempunyai atribut yang tersendiri yang boleh digambarkan seperti lampiran 1 yang menunjukkan penglihatan pelbagai agensi luar, ibubapa, guru-guru, pelajar-pelajar dan barisan pentadbiran dalam melakukan penambahbaikan sekolah dan peningkatan pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah.

C. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian terhadap sekolah-sekolah menengah kebangsaan harian di Malaysia yang dibahagikan kepada dua kategori sekolah iaitu sekolah harian biasa dan sekolah harian yang telah dianugerahkan sebagai sekolah cemerlang peringkat kebangsaan. Pengkaji menggunakan model Komuniti Pembelajaran Profesional bagi melihat tahap setiap dimensi yang terdapat dalam Komuniti Pembelajaran profesional dan bagaimana guru-gurunya belajar meningkatkan profesyen keguruan mereka terutama dalam kemahiran pengajaran bagi meningkatkan pencapaian pembelajaran murid-murid. Kajian ini mengenal pasti sama ada pegangan atau prinsip Komuniti Pembelajaran Profesional yang mengatakan guru-guru yang bekerja secara kolaboratif akan menghasilkan kualiti pengajaran guru yang berkesan dan pembelajaran murid pula bertambah baik (Mitehell & Sackney, 2000; McLaughlin & Talbert, 2001).

Pengkaji akan memberi fokus kepada kajian yang pernah dilakukan oleh Hord (1997) dan Hipp & Huffman (2003), tentang komuniti profesional yang belajar berdasarkan lima dimensi yang terdapat dalam Komuniti Pembelajaran Profesional iaitu i) perkongsian dan sokongan kepemimpinan, ii) pericongsian nilai-nilai, matlamat, misi, dan visi, iii) kolektif pembelajaran dan pengaplikasian, iv) perkongsian amalan personal dan v) keadaan-keadaan yang menyokong dari segi perhubungan dan struktur.

D. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan pendekatan reka bentuk Kuantitatif dengan menggunakan pendekatan kaedah tinjauan deskriptif. Menurut Gay (1981) dan Leedy dan Ormrod (2001) kajian deskriptif adalah kajian yang menerangkan keadaan semasa bagi subjek tertentu dalam kajian. Data kajian kuantitatif ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*, versi 15.0. Data yang diperoleh nanti adalah dalam bentuk deskriptif dengan melihat kekerapan, min, peratusan secara analisis inferensi iaitu untuk melihat taburan kekerapan dari segi peratusan dan frekuensi bagi mengetahui jumlah kekerapan (responden) yang fet masuk dalam satu-satu skala atau kategori, Ujian -t menguji perbezaan dua min dengan menggunakan analisis varians dan regresi logistik untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah yang berikaitan iaitu antara satu pembolehubah bersandar dan beberapa pembolehubah bebas.

I) Sampel

Sampel terdiri daripada 585 orang guru daripada 19 buah sekolah menengah kebangsaan harian: Anugerah

Cemerlang 2007 dgn M buah sekolah menengah kebangsaan harian biasa di Malaysia. Sampel kajian ini terdiri daripada 41 orang pengetua, 321 orang i^cirisan pemimpin kedua sekolah dan 223 orang -guru sekolah menengah di Malaysia. Pengkaji mengaplikasikan kaedah persampelan rawak mudah bertujuan. Sekolah-sekolah yang dipilih biiggi kajian ini adalah terdiri daripada sekolah-sekolah menengah di Malaysia yang merujuk kepada dua jenis sekolah yang telah dikenal pasti oleh penyelidik iaitu: i) Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Biasa dan ii) Sekolah Menengah Kebangsaan Cemerlang - peringkat kebangsaan. Seterusnya dua jenis sekolah menengah ini dikenal pasti melalui skor kekerapan min yang tinggi amalan Komuniti Pembelajaran Profesional.

II) Instrumen Kajian

Instrumen kajian bagi penyelidikan ini telah menggunakan soal selidik yang dibentuk berdasarkan kerangka kerja Komuniti Pembelajaran Profesional yang telah digariskan oleh Shirley Hord (1997) dan telah diubahsuai oleh Huffman & Hipp (2003). Soal selidik ini diguna pakai untuk mengukur sejauhmanakah sesebuah sekolah itu mengamalkan konsep Komuniti Pembelajaran Profesional. Pengkaji telah membuat sedikit penyesuaian terhadap soal selidik dan telah mewujuk kepada tiga orang pakar dalam bidang organisasi dan hubungan sumber manusia untuk membuat penilaian dari segi kesahan kandungan. Soal selidik ini mempunyai 65 item. Responden menjawab dengan menentukan sejauhmanakah guru-guru memainkan peranan mereka pada setiap dimensi yang dikait dengan mendapatkan Tidak ada langsung” (1) kepada (5) “Sangat selalu” yang berbentuk skala Likert. Kajian rintis telah dilakukan dan mendapat nilai pekali kebolehpencayaan alpha dianggap sangat tinggi iaitu paling tinggi .92 dan paling rendah .88.

III) Dapatan Kajian

Kajian ini cuba menjawab beberapa persoalan yang mempunyai hubung kait dengan Komuniti Pembelajaran Profesional di sekolah- sekolah menengah kebangsaan harian dan anugerah cemerlang 2007 di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti i) tahap amalan Komuniti Pembelajaran Profesional dalam kalangan guru-guru di sekolah yang dikaji, ii) mengenal pasti 5 dimensi amalan Komuniti Pembelajaran Profesional yang manakah yang lebih kerap diamalkan oleh guru-guru di sekolah, iii) perbezaan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional antara SMK harian biasa dan SMK harian Anugerah Cemerlang 2007 dan iv) perbezaan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional dengan latar belakang guru (jantina, umur, jawatan, pengalaman mengajar, akademik).

Untuk menentukan tahap amalan komuniti pembelajaran profesional di sekolah-sekolah menengah yang dikaji, pengkaji telah menetapkan julat skor min tertentu kepada tahap-tahap seperti yang ditunjukkan pada jadual 1.2 di bawah.

Jadual 1.1: Interpretasi skor min tahap amalan komuniti pembelajaran profesional

Skor Min	Interpretasi	Nilai Data
1.00 hingga 2.33	Rendah	1
2.34 hingga 3.66	Sederhana	2
3.67 hingga 5.00	Tinggi	3

Jadual 1.1 menunjukkan interpretasi skor min bagi menentukan tahap amalan komuniti pembelajaran profesional sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Interpretasi skor min ini berdasarkan interpretasi yang dibuat oleh Jamil Ahmad (1993) dan Sumami Junin (2000). Skor min 1.00 hingga 2.33 adalah tahap rendah dan diberi nilai 1. Skor min 2.34 hingga 3.66 adalah tahap sederhana dan diberi nilai 2. Manakala skor min 3.67 hingga 5.00 adalah pada tahap tinggi dan diberi nilai 3.

Analisis Tahap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia

Analisis statistik deskriptif ini akan melihat skor min dan sisihan piawai. Item-item ujian disusun mengikut min tertinggi seperti jadual 1 !> di bawah. Jadual 1.5 menunjukkan analisis data terhadap persepsi masyarakat terhadap dimensi perkongsian kepemimpinan dan kepemimpinan menyokong di sekolah-sekolah yang dikaji. Keputusan analisis menunjukkan bahawa di sekolah-sekolah menengah Kebangsaan yang dikaji berada pada tahap yang tinggi dalam mengamalkan amalan perkongsian kepemimpinan di dalam komuniti masing-masing yang menunjukkan bahawa komuniti pembelajaran mereka berjaya membangunkan kapasiti kepemimpinan menyokong. Ini dapat dibuktikan dengan i) tahap min 4.23 bagi item yang menunjukkan pengetua sentiasa memberikan sokongan apabila diperlukan, ii) tahap min bagi kepemimpinan digalakkan dalam kalangan guru di sekolah-sekolah di Malaysia iaitu 4.15 dan iii) tahap min bagi guru-guru dibimbing untuk menjadi pemimpin sekolah yang berkesan. Selain itu, suasana dan iklim komuniti yang menggalakkan amalan penurunan kuasa kepada semua ahli Komuniti Pembelajaran Profesional bagi merealisasikan perkongsian visi dan misi sekolah sememangnya berlaku apabila pengetua bertindak secara demokrasi bersama-guru-guru melalui perkongsian kuasa dan autoriti berada di tahap min 3.94. Amalan ini dapat memberi peluang kepada semua ahli komuniti melakukan pembuatan keputusan yang berkesan bagi menghasilkan implikasi positif terhadap pembelajaran dan pencapaian pelajar.

Bagi dimensi perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi, telah menunjukkan item yang dikaji berada pada tahap min skor yang amat memberangsangkan iaitu antara 3.82 hingga 4.28 Hasil analisis ini menunjukkan dimensi ini memainkan peranan yang amat penting di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Malaysia dalam

membangunkan amalan komuniti pembelajaran profesional. Dimensi ini menggambarkan komuniti pembelajaran di sekolah-sekolah menengah di Malaysia yang sememangnya telah mengamalkan perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi yang sama dalam kalangan ahlinya kerana item i) Polisi sekolah adalah selari dengan visi sekolah yang berada pada tahap min yang paling tinggi iaitu 4.28, ii) Semua program sekolah adalah selari dengan visi sekolah berada pada tahap min 4.23 dan iii) Keputusan yang dibuat selari dengan nilai, misi dan visi sekolah pada tahap 4.16. Selain itu, melalui analisis item ini juga dapat menunjukkan bahawa amalan harian, norma dan nilai-nilai yang tertanam dalam sesebuah Komuniti Pembelajaran Profesional di sekolah-sekolah yang dikaji telah menunjukkan terdapatnya jalinan visi dan misi sekolah yang lebih berfokuskan kepada penambahbaikan dari segi pencapaian murid dan pembelajaran murid melalui item guru-guru berkongsi visi dalam membangunkan sekolah *yang* berfokus kepada pembelajaran murid pada tahap min 4.12 dan nilai perkongsian yang diamalkan oleh warga sekolah telah menyokong norma-norma dan tingkah laku guru dalam membuat keputusan mengenai pengajaran dan pembelajaran pada tahap 3.96. kekerapan min yang tinggi ini menunjukkan dimensi ini telah membuktikan kepentingannya dalam menentukan dan mengekalkan sesebuah komuniti pembelajaran itu terus belajar.

Kajian ini juga telah menunjukkan kekuatan amalan Komuniti Hombelajaran Profesional di sekolah-sekolah menengah yang dikaji melalui hubungan kolaboratif di dalam komuniti sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Malaysia yang cukup erat dalam melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan pencapaian 'imrid-murid. Perhubungan yang erat dalam kalangan ahli komuniti pembelajaran ini telah meningkatkan keberkesanan proses iwmmyampaian maklumat dan pembuatan keputusan yang berasaskan ilmu pengetahuan. Ini dapat dibuktikan melalui tahap min yang tinggi iaitu 4.06 dan 4.02 pada item guru-guru begitu komited terhadap program yang menyuburkan pembelajaran mereka dan mereka secara bersama-sama merancang menyelesaikan masalah bagi memenuhi keperluan murid. Secara langsung juga menunjukkan pelibatan guru linliim perbincangan sesama mereka telah lama menjadi amalan nitimka. Amalan ini telah mencetuskan pelbagai idea yang seterusnya menggalakkan guru-guru melakukan penerokaan dan berani mencuba lm*kara baru terutama dari segi strategi dan teknik pengajaran mereka. Amalan ini menghasilkan tingkah laku ahli-ahli komuniti yang positif yang merujuk kepada kepentingan bekerja secara kolektif bagi menghasilkan kurikulum dan amalan-amalan pengajaran yang berkesan.

Seterusnya, kajian ini juga mendapati dimensi perkongsian amalan personal memperlihatkan sama ada komuniti pembelajaran pmfesional telah dapat melahirkan budaya yang menggalakkan guru-guru berinteraksi, menyediakan maklum balas dan berkongsi pengalaman-pengalaman pembelajaran pelajar bagi membuat sesuatu ^putusan. Tahap kekerapan minnya adalah yang paling tinggi iaitu •i 05 Ini menggambarkan guru pada hari ini tidak lagi bekerja secara menyendiri sebaliknya guru-guru sentiasa berbincang dan mengaplikasikan model berasaskan penyelidikan seperti kajian iriidakan, membimbing, mewujudkan sistem mentor-mentee dan **melakukan** pembuatan keputusan secara bersama. Melalui aktiviti- akiiviti ini guru belajar bersama-sama bagi meningkatkan pengajaran mereka dan seterusnya melakukan penambahbaikan dari segi pembelajaran murid-murid di sekolah.

Selain itu, kajian mendapati dimensi ini menggambarkan bahawa MHkolah yang mengamalkan komuniti pembelajaran profesional telah memberi komitmen yang tinggi dan sentiasa memberi sokongan terhadap proses penambahbaikan di sekolah mereka secara berterusan. Dimensi ini juga telah mengenai pasti beberapa prasyarat bagi membentuk komuniti pembelajaran profesional melalui sokongan logistik iaitu dari segi i) penjadualan, ii) sumber-sumber, ii) sokongan kognitif dan iv) sosial seperti memberi peluang dalam kepemimpinan dan sistem komunikasi yang berkesan.

Mengenal pasti 5 dimensi amalan Komuniti Pembelajaran Profesional yang paling kerap diamalkan oleh guru-guru di 2 jenis Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia

Dapatan kajian bahagian ini adalah untuk mengenal pasti dimensi amalan komuniti pembelajaran profesional yang mana menjadi keutamaan di 2 jenis sekolah menengah kebangsaan yang dikaji menurut tanggapan guru-guru di Malaysia. Dapatan daripada kajian ini adalah seperti jadual 1.2 di bawah.

Jadual 1.2: Dimensi Amalan Komuniti Pembelajaran profesional yang paling kerap diamalkan di 2 Jenis Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia

Dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional	Jenis Sekolah			Pangkatan	
	Min Harian	Min Anugerah	2007		
	Biasa				
Perkongsian dan sokongan kepemimpinan	3.64	3.79		3	
Perkongsian nilai-nilai, matlamat, misi, dan visi	3.78	3.88		1	
Kolektif pembelajaran dan pengaplikasian	3.81	3.90		4	
Perkongsian amalan personal	3.10	3.22		6	
Keadaan yang menyokong dari segi perhubungan	4.04	4.19		2	
Keadaan yang menyokong dari segi struktur	3.76	4.04		5	

Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua jenis sekolah yang dikaji mengikut kedudukan keutamaan dimensi yang mampu membentuk amalan komuniti pembelajaran profesional di sekolah- okolah yang dikaji adalah i) Perkongsian nilai-nilai, matlamat, misi, i=m visi, ii) Keadaan yang menyokong dari segi perhubungan, iii) i'mkongsian dan sokongan kepemimpinan, iv) Kolektif pembelajaran diin pengaplikasian, v) Keadaan yang

menyokong dari segi struktur din vi) Perkongsian amalan personal. Kajian ini juga telah menunjukkan tahap kekerapan min bagi kedua-dua jenis sekolah tidak jauh perbezaannya mengikut dimensi. Justeru, daripada analisis ini menunjukkan kedua-dua jenis sekolah menengah Mmngsaan mampu membina komuniti pembelajaran profesional.

Mengenal pasti perbezaan tahap amalan komuniti pembelajaran profesional antara latar belakang guru SMK Harian Anugerah Cemerlang 2007 dan SMK Harian Biasa

Jadual 1.3 menunjukkan bahawa antara 5 ciri latar belakang guru sekuli ih menengah kebangsaan di Malaysia iaitu jantina, jawatan, penyulaman mengajar, ikhtisas dan akademik. Analisis ujian -t yang menentukan min amalan komuniti pembelajaran profesional mengikut penyulaman mengajar guru menunjukkan bahawa terdapat perbezaan y anu Mgnifikasi antara sekolah SMK Harian Anugerah Cemerlang 2007 dan SMK Harian Biasa bagi amalan komuniti pembelajaran profesional menyikut tahap, dengan nilai $t= 2.641$, $p<.05$. Daripada perbezaan tknr min, keputusan ini menunjukkan tanggapan guru-guru di SMK Maiinn Biasa terhadap tahap amalan komuniti pembelajaran ;Mufnnional mengikut latar belakang guru adalah lebih nilainya jika - Iihaiirilngkan dengan SMK Harian Anugerah Cemerlang. Hanya bagi i>m uji Human mengajar guru bagi SMK Harian Anugerah Cemerlang menunjukkan skor min yang lebih tinggi daripada SMK Harian Biasa.

Jadual 1.3: Analisis Ujian -t Perbezaan Tahap Amalan Komuniti i emiiHÍajaran Profesional Antara Latar Belakang guru di SMK Haríán Anugerah Cemerlang 2007 dan SMK Harian Biasa

	N	Jenis Sekolah	Min	Sisihan Piawai	Nilai -t	Sig (2-tailed)
Jantina	265	1	1.6792	.4676	-.132	.895
	320	2	1.6844	.4655		
Jawatan	265	1	2.2981	.5755	-.480	.632
	320	2	2.3219	.6129		
Pengalaman mengajar	265	1	2.2717	.6975	2.641	.008
	320	2	2.1156	.7229		
Ikhtisas	265	1	1.0340	.1815	.854	.854
	320	2	1.0313	.1743		
Akademik	265	1	1.1057	.3080	-.497	.619
	320	2	1.1188	.3240		

*Signifikan pada aras $p<0.05$; N=585

1. SMK Harian Anugerah 2. SMK Harian Biasa

Selain itu, daripada 5 ciri latar belakang sekolah yang dikaji telah menunjukkan 4 ciri yang lain iaitu

jantina, jawatan, ikhtisas dan akademik tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara sekolah SMK Harian Anugerah Cemerlang 2007 dan SMK Harian Biasa. Ini juga menunjukkan bahawa min bagi komuniti pembelajaran profesional bagi empat ciri latar belakang guru ini adalah hampir sama.

Mengenal pasti perbezaan dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional antara SMK Harian Anugerah Cemerlang 2007 dan SMK Harian Biasa

Dari analisis didapati dimensi-dimensi yang terdapat dalam komuniti pembelajaran profesional antara SMK Harian Anugerah Cemerlang 2007 dan SMK Harian Biasa menunjukkan perbezaan yang signifikan pada aras $p<0.05$. Sila rujuk jadual 1.4. Dapatkan menunjukkan bahawa min SMK Harian Anugerah Cemerlang 2007 adalah melebihi daripada min SMK Harian Biasa di dalam kelima-lima dimensi yang terdapat dalam komuniti pembelajaran professional.

Jadual 1.4: Analisis Ujian -t Menentukan Perbezaan Dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional Antara SMK Harian Anugerah Cemerlang 2007 dan SMK Harian Biasa

	Jenis Sekolah	Min	Sisihan Piawai	-t	Sig (2- tailed)
Pengkongsian	1	47.7736	6.3402	1.910	.057
Kepemimpinan	2	46.6969	7.1354		
Dan					
Kepemimpinan	1	49.6679	6.0568	3.434	.001
Sokongan	2	47.8656	6.5278		
Perkongsian	1	43.3434	5.5493	2.390	.017
nilai nilai, mailamat, misi, dan visi	2	42.1906	6.0139		
	1	40.2113	5.9251	2.583	.010
	2	38.8469	6.6985		
Kolektif pembelajaran dan pengaplikasian	1	40.5472	5.0203	3.241	.001
	2	38.9781	6.4207		
Pengkongsian	1	35.6830	4.4668	4.100	.000
amalan personal	2	33.9125	5.7349		
Keadaan – Keadaan yang Menyokong dari segi :					
Perhubungan					
Keadaan – Keadaan yang Menyokong dari segi :					

Struktur

Signifikan pada aras $p < 0.05$; N=585

1. SMK Harian Anugerah

2. SMK Harian Biasa

E. PERBINCANGAN

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa amalan komuniti pembelajaran profesional wujud di kedua-dua jenis sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Kajian ini juga menunjukkan tahap min amalan komuniti pembelajaran yang sangat tinggi dalam kalangan guru-guru bagi setiap dimensi yang dikaji. Walaupun tahap min berada di tahap yang tinggi, pengkaji telah dapat mengenal pasti beberapa perkara yang perlu ditambahbaik oleh pihak pentadbir sekolah mahupun pihak Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap dimensi perkongsian amalan personal. Dimensi ini tidak dapat direalisasikan oleh beberapa sekolah yang dikaji kerana guru-gurunya masih ‘takut’ memberi ruang kepada rakan-rakannya mencerap kelas mereka dan pihak petadbir mahupun pemimpin-pemimpin sekolah tidak memberi peluang kepada mereka mempengerusikan mana-mana mesyuarat panitia. DuFour (2004:9), menegaskan walaupun terdapatnya bukti menunjukkan amalan bekerja secara kolaborasi merupakan amalan yang terbaik tetapi masih terdapat ramai guru di sekolah-sekolah meneruskan amalan kerja secara bersendirian yang menyebabkan amalan pemencilan masih berlaku. Persoalan-persoalan ini menggambarkan bahawa sesebuah sekolah itu tidak mungkin berfungsi sebagai komuniti pembelajaran profesional sehingga seluruh warga sekolah mengetahui fungsi organisasinya dan setiap individu memahami peranan mereka di sekolah.

Analisis terhadap menentukan kekerapan tertinggi antara 5 dimensi yang terdapat dalam komuniti pembelajaran profesional mampu memberi implikasi kepada kajian ini yang mengatakan bahawa perkongsian nilai-nilai, matlamat, misi dan visi sekolah merupakan dimensi *utama yang perlu* diberi perhatian oleh pemimpin sekolah bagi memastikan amalan ini dapat dibentuk di sekolah-sekolah masing-masing. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Harris (2002:73-77), pihak sekolah boleh memperbaiki budaya kerja sesebuah organisasi melalui kewujudan visi dan nilai yang beri<ekalan. Malah, Silns, H. and Mulford, B. (2002: 23) berpendapat bahawa semua organisasi memerlukan visi dan *misi kerana ia merupakan prasyarat* untuk mencapai keberkesanan dalam kepemimpinannya terutama dalam membentuk sistem komunikasi dalam sesebuah organisasi sekolah.

Terdapat perbezaan min yang signifikan antara sekolah SMK Harian Anugerah Cemerlang 2007 dan SMK Harian Biasa bagi amalan komuniti pembelajaran profesional dari segi pengalaman mengajar u i» u. Ini menunjukkan bahawa guru-guru yang berpengalaman mengajar memberi impak yang besar dalam menentukan amalan komuniti pembelajaran profesional di sekolah-sekolah menengah Kebangsaan di Malaysia berlaku. Untuk memastikan semua murid belajar, soalan pertama merupakan maklum balas guru-guru terhadap pm »pijarannya di dalam bilik darjah iaitu guru-guru seharusnya '«r pegang kepada kekuatan pengetahuan dan kemahiran dalam hidang pengajaran. Bagi menentukan perkara ini berlaku biadanya guru-guru yang

berpengalaman merupakan guru-guru yang telah didihkan dengan pelbagai kursus dan kemahiran bagi nmiMinbahbaik pengajaran mereka. Manakala dari segi jantina, (pwulan, ikhtisas dan akademik tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi kedua-dua jenis sekolah.

Terdapat perbezaan min yang signifikan antara SMK Harian Anugerah Cemerlang 2007 dan SMK Harian Biasa bagi setiap dimensi yang fi M dapat dalam komuniti pembelajaran profesional. Kelima-lima dimensi menunjukkan bahawa sekolah menengah kebangsaan anugerah cemerlang 2007 mempunyai min yang lebih tinggi. Dengan rata lain, sekolah-sekolah menengah kebangsaan yang dianugerahkan sebagai sekolah cemerlang dianggap sekolah-sekolah ysny Imrupaya meningkatkan kemajuan semua murid dari segi fizikal, sahsiah diri dan kemahiran sosial (Abdul Shukor, 1998). komuniti sekolah di sekolah-sekolah cemerlang ini juga telah menunjukkan bahawa amalan komuniti pembelajaran profesional menjari! budaya dan amalan mereka di sekolah.

F. KESIMPULAN

Melalui kajian ini, pengkaji mendapati beberapa sekolah menengah kebangsaan di Malaysia sememangnya mengamalkan impian komuniti pembelajaran profesional terutamanya sekolah- sekolah yang telah berjaya menghasilkan sekolah cemerlang di peringkat duperah, negeri maupun kebangsaan. Sekolah-sekolah yang ini tolah menunjukkan komuniti gurunya yang bekerja sebagai setu pasukan dan sentiasa melakukan penambahbaikan bagi menyukseskan pencapaian murid-muridnya. Kejayaan sekolah-sekolah uierisiuguh ini juga secara langsung membentuk sekolah-sekolah ini menjadi =nbuah komuniti pembelajaran profesional. Pembentukan komuniti pembelajaran profesional ini adalah bergantung kepada faktor ismbei itukan persekitaran yang menggalakkan seperti i) budaya kerjasama dan koperatif, ii) memberi semangat dan sokongan moral serta iii) meningkatkan pembangunan potensi individu. Sebagaimana yang dinyatakan oleh DuFour dan Eaker (1998; xii), guru-guru yang bekerja secara individu akan pasti menghadapi kesukaran bagi mencapai matlamat sekolah. Menurut Huffman (2003:21), pembangunan kapasiti individu dan guru-guru dilakukan bersama-sama melalui program-program penambahbaikan sekolah yang membawa kepada perubahan terutama dari segi pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah. Perubahan ini dapat memberi manfaat kepada murid-murid secara berterusan. Bagi mencapai matlamat ini, pemimpin sekolah tidak boleh menolak tentang kepentingan pembelajaran guru-guru ketika di dalam perkhidmatan. Cabaran bagi pemimpin-pemimpin sekolah hari ini adalah untuk memastikan pembangunan modal insan dilaksanakan secara holistik dari segi pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran intelektual, pembudayaan sikap yang mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi.

G. DAFTAR PUSTAKA

Abdul Shukor Abdullah (1998, April 11). *Pengetua berkesan: Cabaran pembangunan system pendidikan Negara. Kertas dibentangkan pada Seminar Sekolah Berkesan Negeri Pedis Kangar*. Diambil semula pada 21 Mei, 2004 daripada Perpustakaan Za'aba, UM. No Panggilan: LA1236PPN.

Boyd, V. & Hord, S.M. (1994a). Principals and the new paradigm: Schools as learning communities. *Paper*

presented at the annual meeting of the American Educational Research Association, New Orleans.

Boyd, V. & Hord, S.M. (1994b). *Schools as learning communities. Issues ... about Change*, 4(1). Austin, TX: Southwest Educational Development Laboratory.

Chaharbaghi, K. & Nugent, E. (1994). *Towards the Dynamic Organization*. Management Decision. Vol. 32. No. 6. m.s 45- 48. Bradford: MCB University Press.

Cibulka, J., et., al., (2000). Schools as Learning Organizations: A Review of the Literature. The Creation of High-Performance Schools through Organizational and Individual Learning, National Partnership for Excellence and Accountability in Teaching, Washington, DC.

DuFour, R. (1997a). Make the words of mission statements *come to life*. *Journal of Staff Development*, 18(3), 54-55. DuFour, R. (1997b). Moving toward the school as a learning community. *Journal of Staff Development*, 18(1), 52-53.

DuFour, R., & Eaker, R. (1992). Creating the new American school: A principal's guide to school improvement. Bloomington, IN: National Educational Service.

DuFour, R., Eaker, R., & Ranells, M. (1992). School improvement and the art of visioning. *Tennessee Educational Leadership*, XXIV (I), 6-12.

Eaker, R., & Await, K. (1997). Quality indicators reflect effective school improvement planning. *Tennessee Educational Leadership*, XXIV(I), 7-10.

Eaker, R., & Huffman, J. (1980). Helping teachers use research findings: The consumer- validation process, Occasional Paper No. 44. East Lansing, MI: Institute for Research on Teaching, Michigan State University.

First, P.F. (1992). Educational Policy for School Administrators. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.

Fiske, E. (1992). *Smart schools, smart kids: Why do some schools work?* New York: Simon and Schuster,

Fullan M. (1990). Staff development, innovation and institutional development. In B. Joyce (Ed.), *Changing school culture through staff development* (pp. 3-25). Alexandria, VA: Association of Supervision and Curriculum Development.

Gay L.R. (1987). Educational Research: Competencies for analysis and application. 4th Edition. New York: MacMillan Publishing Company.

Gay LR. (1998). Educational Research: Competencies for analysis and application (T Edition). 4th New Jersey: Merrill Prentice Hall.

Zuraidah Abdullah dan Prof. Datin Dr. Rahimah Hj Ahmad Adalah Pengarah pada Institut Pengujian Kepengetahuan Universiti Malaya